



Lanjutan Tempoh Pelaksanaan Pengesyoran MYFutureJobs untuk Permohonan Pekerja Asing dan Pegawai Dagang Kepada 1 Jan 2021

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) ambil maklum dan memahami kebimbangan majikan mengenai keperluan untuk mengiklankan jawatan kosong melalui Portal MYFutureJobs dan mengadakan temuduga sebagai pra-syarat permohonan penggajian pekerja asing dan pegawai dagang.
2. Dasar Pengesyoran MYFutureJobs yang berkuat kuasa pada 1 November 2020 adalah susulan kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Jun 2020 untuk memberi keutamaan kepada pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan jawatan.
3. Sejak pengumuman dibuat, KSM menerima pelbagai maklum balas daripada majikan berkaitan dengan syarat-syarat khususnya permintaan untuk pengecualian syarat pengiklanan dan temuduga bagi Pegawai Dagang Kategori EP1 termasuk jawatan-jawatan utama dan pembaharuan kontrak.
4. Dasar yang diperkenalkan KSM ini amat penting dalam mengutamakan bakat tempatan dan ia merupakan faktor utama yang akan menyumbang kepada transformasi pasaran buruh negara. Pada masa yang sama, KSM juga peka dengan permintaan dewan-dewan perniagaan serta pihak industri untuk mempertimbangkan kelulusan secara automatik dalam penggajian pegawai dagang tanpa perlu mengiklankan jawatan kosong dan hanya mengemukakan maklumat pasaran buruh yang diperlukan oleh KSM.

5. Sehubungan itu, KSM akan bekerjasama dengan Kementerian-Kementerian yang berkaitan untuk membincangkan syarat-syarat yang menetapkan kelulusan automatik dan juga mekanisme pelaksanaan yang berkesan. Garis panduan yang dihasilkan daripada sesi libat urus ini akan dibentangkan untuk maklum balas daripada dewan-dewan perniagaan dan pihak industri sebelum ianya dilaksanakan.
6. Atas keprihatinan terhadap keperluan pihak majikan dan industri, KSM akan memberi **tempoh lanjutan untuk pelaksanaan dasar ini di mana ianya hanya akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021**.
7. Sebelum dasar ini dikuatkuasakan pada 1 Januari 2021, KSM ingin menggesa semua majikan supaya mengiklankan kekosongan jawatan dalam organisasi masing-masing di portal MYFutureJobs (www.myfuturejobs.gov.my) dan memberi sokongan kepada pengambilan tenaga kerja tempatan. Melalui MYFutureJobs, perkhidmatan tambah nilai yang disediakan oleh KSM termasuklah memuat naik kekosongan jawatan, padanan *resume* dan pengambilan pekerja, semuanya dengan percuma.

DATUK SERI M. SARAVANAN

MENTERI SUMBER MANUSIA

PUTRAJAYA

10 NOVEMBER 2020